11	<b>Kelewatan Perjalanan</b> – lebih daripada 6 jam berturut-turut (RM150 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	Luar negara 3,600 dalam Malaysia 450	Luar negara 3,600 dalam Malaysia 450	Luar negara 7,200 dalam Malaysia 900
12	<b>Terlepas Sambungan Perjalanan</b> – lebih daripada 6 jam berturut-turut (RM200 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	400	600	1,200
13	<b>Perubahan Laluan Perjalanan</b> – lebih daripada 6 jam berturut-turut (RM200 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	400	600	1,200
14	<b>Kelewatan Bagasi</b> – lebih daripada 6 jam berturut-turut (RM200 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	Luar negara 800 dalam Malaysia 200	Luar negara 800 dalam Malaysia 200	Luar negara 2,000 dalam Malaysia 800
15	<b>Bagasi &amp; Barangan Peribadi</b>	5,000	7,000	10,000
	<i>Sub-had bagi Manfaat 15:</i>			
	<i>(i) Mana-mana satu (1) barangan atau Pasangan atau Set Barangan</i>	500	500	500
	<i>(ii) Komputer Peribadi Mudah Alih</i>	1,000	1,500	2,000
	<i>(iii) Bagasi</i>	250	250	250
16	<b>Wang Peribadi</b>	1,000	2,000	3,000
17	<b>Dokumen Perjalanan</b>	5,000	6,000	8,000
18	<b>Kecurian Kad Kredit Peribadi</b>	1,000	1,500	3,000
<b>Seksyen C – Perlindungan Kemalangan Diri &amp; Tanggungan Peribadi</b>				
19	<b>Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan</b>			
	<i>(i) berumur 30 hari hingga 17 tahun</i>	75,000	75,000	125,000
	<i>(ii) berumur 18 tahun hingga 85 tahun</i>	300,000	300,000	500,000
20	<b>Tanggungan Peribadi</b>	1,000,000	1,000,000	1,000,000
<b>Seksyen D – Perlindungan Perjalanan Urban</b>				
21	<b>Manfaat Penjagaan Rumah</b>	2,000	3,000	5,000
22	<b>Manfaat Penjagaan Haiwan Peliharaan</b>	1,000	1,000	1,000
23	<b>Lebih Sewa Kereta</b>			
23A	Lebih Kereta	2,000	3,000	5,000
23B	Pemulangan Kereta	Termasuk dalam 23A	Termasuk dalam 23A	Termasuk dalam 23A
24	<b>Penggunaan Telefon dan Internet Kecemasan</b>	100	200	500
25	<b>Perlindungan Khas</b>			
	<i>(i) berumur 30 hari hingga 17 tahun</i>	75,000	75,000	125,000
	<i>(ii) berumur 18 tahun hingga 85 tahun</i>	300,000	300,000	500,000
<b>Seksyen E – Manfaat Tambahan</b>				
26	<b>Badal Haji</b> (hanya untuk Orang Islam)	3,000	3,000	3,000
27	<b>Wakaf</b> (hanya untuk Orang Islam)	1,000	1,000	1,000
28	<b>Korban</b> (hanya untuk Orang Islam)	1,000	1,000	1,000
29	<b>Wang Kecemasan</b> (hanya untuk Orang bukan Islam)	5,000	5,000	5,000
<b>Seksyen F – Manfaat Bantuan Perjalanan</b>				
30	<b>Bantuan Perjalanan</b>	Termasuk	Termasuk	Termasuk

## DEFINISI AM

Terdapat beberapa perkataan tertentu yang ditakrifkan seperti yang di bawah. Perkataan ini mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam Polisi Induk ini. Perkataan ini telah **ditebalkan** dan bermula dengan huruf besar (contoh: **Orang Yang Diinsuranskan, Anda**).

### **Kemalangan atau Akibat Kemalangan**

bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga dan menyebabkan kematian, hilang upaya atau kecederaan.

### **Tindakan Keganasan**

bermaksud suatu tindakan, termasuk penggunaan kekerasan atau keganasan, mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara perseorangan atau bagi pihak atau berkaitan hubungan dengan mana-mana organisasi, untuk tujuan politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau membuatkan orang awam dalam ketakutan.

### **Dewasa**

bermaksud orang yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.

### **Anak**

bermaksud anak kandung **Anda** atau anak yang diambil sebagai anak angkat secara sah, yang belum berkahwin, tidak bekerja dan berumur tiga puluh (30) hari hingga tujuh belas (17) tahun, atau dua puluh tiga (23) tahun sekiranya masih belajar sebagai pelajar sepenuh masa. Semua umur merujuk kepada umur hari lahir Anak yang berikutnya.

### **Sijil Insurans**

bermaksud butiran terperinci maklumat **Anda, Jenis Perlindungan** pilihan **Anda**, jumlah yang diinsuranskan dan **Tempoh Perlindungan**.

### **Pengangkutan Umum**

bermaksud bas, feri, hoverkraf, hidrofoil, kereta api, tram dan sebarang pesawat bersayap tetap:

- i. berdaftar dan dilesenkan untuk pengangkutan penumpang yang membayar tambang; dan
- ii. mempunyai jadual dan laluan tetap, rasmi dan berkala.

Pengangkutan ini tidak termasuk teksi, kapal persiaran, atau sebarang pengangkutan sedemikian sekiranya disewa atau diatur sebagai sebahagian daripada lawatan walaupun perkhidmatan tersebut dijadualkan secara tetap.

### **Pengangkutan Yang Dilindungi**

bermaksud sebarang pengangkutan darat, air atau udara yang berdaftar dan dilesenkan untuk pengangkutan penumpang yang membayar tambang dan mempunyai jadual dan laluan yang tetap, rasmi dan berkala.

### **Jenis Perlindungan**

bermaksud tahap perlindungan yang **Anda** pilih pada masa pembelian insurans seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**.

### **Doktor Gigi**

bermaksud pengamal pergigian yang layak dan berlesen:

- i. untuk mengamalkan rawatan pergigian, dan yang semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai dalam kawasan amali geografi yang mana rawatan dijalankan; dan
- ii. tidak termasuk **Anda**, dan mana-mana saudara mara **Anda, Ahli Keluarga Anda**, rakan perniagaan, majikan, kakitangan atau **Rakan Perjalanan Anda**.

### **Destinasi**

bermaksud tempat yang **Anda** bercadang untuk lawati dalam **Perjalanan**, seperti yang ditunjukkan di dalam aturcara **Perjalanan** dan di dalam **Kawasan Perjalanan** pilihan **Anda** seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**.

### **Ketidakupayaan**

bermaksud keuzuran, kesakitan, **Penyakit** atau **Kecederaan** yang timbul daripada satu (1) punca atau siri punca yang berterusan.

### **Ahli Keluarga**

bermaksud pasangan, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk, nenek, moyang, **Anak** dan pasangannya, cucu, cicit, adik-beradik lelaki dan perempuan **Anda**.

### **Perbelanjaan Pelancongan Darat**

bermaksud tiket atau yuran yang telah **Anda** bayar untuk **Perjalanan Anda** seperti tetapi tidak terhad kepada pengendalian pelancongan darat, pusat tarikan pelancong, acara sukan, tiket konsert.

### **Penjagaan Kesihatan Profesional**

bermaksud pakar herba, ahli fisioterapi, akupunktur, kiropraktor, tabib tulang atau pakar osteopati yang berdaftar dan berlesen di bawah undang-undang yang berkenaan di negara di mana perkhidmatan tersebut disediakan. Penjagaan Kesihatan Profesional yang bertugas tidak boleh merupakan **Anda** atau mana-mana saudara mara **Anda, Ahli Keluarga Anda**, rakan perniagaan, majikan, kakitangan atau **Rakan Perjalanan Anda**.

### **Rumah**

bermaksud alamat rumah **Anda** di Malaysia.

### **Kandungan Rumah**

bermaksud barangan isi rumah yang **Anda** miliki, dipakai atau digunakan oleh **Anda**, dan berada di dalam **Rumah Anda**.

### **Hospital**

bermaksud pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit berbayar, dan yang:-

- i. mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
- ii. menyediakan khidmat kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan berkelayakan;
- iii. di bawah penyeliaan **Pengamal Perubatan**, dan
- iv. bukan klinik, tempat untuk orang ketagihan alkohol dan dadah, pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa.

**Penghospitalan**

bermaksud dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** bagi **Ketidakupayaan** yang dilindungi atas cadangan **Pengamal Perubatan**. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam sekiranya pesakit tidak tinggal secara fizikal di **Hospital** sepanjang tempoh dimasukkan ke **Hospital**.

**Hotel**

bermaksud sebarang penginapan perjalanan yang dibayar.

**Penyakit**

bermaksud sebarang kemerosotan kesihatan secara tiba-tiba dan tanpa diduga dan yang disebabkan oleh keadaan kesihatan yang , yang bermula atau timbul dalam **Perjalanan** dan memerlukan rawatan oleh **Pengamal Perubatan**.

**Kecederaan**

bermaksud kecederaan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan** dan tidak termasuk kesakitan, penyakit atau masalah kesihatan.

**Orang Yang Diinsuranskan/Anda**

bermaksud orang yang melanggan insurans di bawah Polisi Induk ini yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**.

**Perjalanan**

bermaksud perjalanan yang **Anda** buat dalam **Tempoh Perlindungan** untuk tujuan riadah dan/atau perniagaan yang:

- i. berada di luar Malaysia;
- ii. di dalam **Kawasan Perjalanan** seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**;
- iii. bermula pada masa **Anda** meninggalkan **Rumah** atau tempat perniagaan **Anda** di Malaysia untuk tujuan memulakan perjalanan di luar negara; dan
- iv. tamat apabila **Anda** pulang ke rumah atau tempat perniagaan **Anda** di Malaysia, kecuali bagi **Perjalanan Sehala**, perlindungan akan tamat setelahnya di lapangan terbang bagi negara destinasi pertama (tidak termasuk negara transit).

**Kehilangan Penggunaan**

bermaksud kehilangan upaya fungsian secara menyeluruh dan kekal dan dianggap sebagai kehilangan seluruh anggota badan atau organ tersebut dan bukan dari segi **Ketidakupayaan** atau ketidakmampuan profesional atau pekerjaan **Anda**.

**Perlu Dari Segi Perubatan**

bermaksud khidmat perubatan yang:

- i. selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi **Ketidakupayaan** yang dilindungi;
- ii. menurut piawaian amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, juga dengan manfaat kesihatan yang sah;
- iii. bukan untuk kemudahan **Anda** atau **Pengamal Perubatan**, dan tidak dapat diperolehi sewajarnya di luar **Hospital** (sekiranya dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam);
- iv. bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan; dan
- v. yang bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa bagi rawatan **Ketidakupayaan**.

**Bencana Alam**

bermaksud keadaan cuaca melampau (termasuk tetapi tidak terhad kepada taufan, hurikan, siklon atau puting beliung), kebakaran yang berlaku secara semula jadi, banjir, tsunami, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh atau malapetaka alam lain yang berlaku secara semula jadi atau disebabkan oleh mana-mana kejadian yang disebutkan di atas.

**Luar Negara**

bermaksud mana-mana destinasi di luar Malaysia.

**Pasangan atau Set Barang**

bermaksud barangan peribadi yang dimiliki bersama dan tidak boleh dipakai atau digunakan secara berasingan untuk tujuan yang dinyatakan. Sebagai contoh, set pemukul golf atau sepasang kasut.

**Tempoh Perlindungan**

bermaksud tempoh masa **Orang Yang Diinsuranskan** diberi perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**.

**Tempoh Insurans**

bermaksud tempoh Polisi Induk seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

**Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal**

bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain, kecuali akibat **Kecederaan Badan** serta berlaku dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari berturut-turut dan kemungkinan besar mencegah **Anda** secara sepenuhnya daripada melakukan sebarang pekerjaan untuk seumur hidup dan yang mana tiada harapan untuk sembuh.

**Barangan Peribadi**

bermaksud barang peribadi yang **Anda** miliki dan diambil atau dibeli oleh **Anda** semasa dalam **Perjalanan**.

**Wang Peribadi**

bermaksud wang tunai **Anda**, mata wang, cek kembang atau kiriman wang yang dimiliki dan diambil oleh **Anda** semasa dalam **Perjalanan**.

**Pengamal Perubatan**

bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen:

- i. untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya mengikut dalam skop perlesenan dan latihannya di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai dalam kawasan amali geografi; dan
- ii. tidak termasuk **Anda**, saudara mara **Anda**, **Ahli Keluarga Anda**, rakan perniagaan, majikan, kakitangan atau **Rakan Perjalanan Anda**.

**Wang Plastik**

bermaksud kad wang yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kad perjalanan, kad kredit, kad debit prabayar, kad hadiah prabayar, kad pengangkutan seperti nilai kredit dalam kad Tambah Nilai (Touch & Go), Octopus dan kad sepeertainya.

**Jadual Polisi**

bermaksud dokumen yang mengandungi butir-butir mengenai **Pemilik Polisi** dan **Tempoh Insurans**. **Jadual Polisi** membentuk sebahagian daripada Polisi Induk.

**Pemilik Polisi**

bermaksud pemilik polisi induk yang dinamakan sebagai Pemilik Polisi di dalam **Jadual Polisi**.

**Komputer Peribadi Mudah Alih**

bermaksud tablet, PDA, komputer riba, komputer buku nota (netbook), iPad, komputer pegangan tangan dan peranti sepeertainya.

**Keadaan Sedia Ada**

bermaksud **Ketidupaya**an yang sewajarnya diketahui oleh **Anda** sebelum tarikh mula **Tempoh Perlindungan**. **Anda** dianggap wajar mengetahui tentang keadaan sedia ada itu apabila:-

- i. **Anda** telah atau sedang menerima rawatan;
- ii. nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah diberikan atau dicadangkan;
- iii. gejala yang jelas dan ketara dapat atau telah dilihat; atau
- iv. **Anda** mengetahui kewujudannya yang mana adalah jelas kepada orang yang berfikiran waras.

**Kereta Sewa**

bermaksud kenderaan bermotor yang **Anda** sewa atau pajak semasa dalam **Perjalanan Anda** daripada agensi kereta sewa berlesen untuk membawa penumpang yang tidak membayar tambang dan tidak termasuk:

- i. sebarang kenderaan yang direka bentuk untuk digunakan bagi membawa barangan komersial;
- ii. sebarang kenderaan yang diklasifikasikan sebagaikampervan, kenderaan kediaman atau mana-mana kenderaan lain yang digunakan untuk tujuan penginapan dan juga pengangkutan;
- iii. sebarang kenderaan yang dikategorikan sebagai motokar tidak membawa penumpang termasuk tetapi tidak terhad kepada motosikal, kereta lumba, pengangkutan air dan sebarang bentuk pesawat.

**RM**

bermaksud dalam Ringgit Malaysia; mata wang Malaysia.

**Jadual Manfaat**

bermaksud jadual manfaat yang mengandungi had dan sub-had maksimum bagi setiap manfaat dan pelan. Jadual Manfaat membentuk sebahagian daripada Polisi Induk ini dan perlindungan disediakan menurut **Jenis Perlindungan** yang dinyatakan di dalam **Sijil Insurans**.

**Kecederaan Serius atau Penyakit Serius**

bermaksud **Ketidakupaya**an kritikal atau berbahaya yang pada pendapat **Pengamal Perubatan** atau **Penyedia Perkhidmatan**, memerlukan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan kematian atau masalah serius kepada keadaan kesihatan semasa atau jangka panjang.

**Penyedia Perkhidmatan**

bermaksud bantuan kecemasan sedunia dua puluh empat (24) jam.

**Teknologi**

bermaksud kamera digital, peralatan fotografi, audio, video dan peralatan elektrik, komputer mudah alih, tablet dan audio atau pemain media.

**Rakan Perjalanan**

bermaksud orang yang mengiringi, yang tanpanya **Perjalanan** tidak dapat bermula atau diteruskan.

**Dokumen Perjalanan**

bermaksud passport, visa atau permit masuk **Anda**.

**Tiada Had**

bermaksud kos sebenar yang ditanggung oleh **Anda**.

**Barang Berharga**

bermaksud barangan antik, hasil seni, barangan kemas, jam dan barangan peribadi lain yang bernilai tinggi atau yang dijangka meningkat nilainya dalam jangka panjang.

**Peperangan**

bermaksud suatu aktiviti kekerasan antara dua (2) atau lebih negara, yang dijalankan bagi sebarang tujuan, atau konflik bersenjata antara kuasa berdaulat, atau permusuhan terbuka yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan dan permusuhan terbuka atau keadaan negara di mana terdapat gangguan perhubungan aman, dan perbalahan umum menggunakan kekerasan, yang kedua-duanya dibenarkan oleh pemerintahnya.

**Kami**

bermaksud Zurich General Insurance Malaysia Berhad.

## Seksyen A – Perlindungan Tiada Had & Perlindungan Berkaitan Perubatan

### MANFAAT 1 – Perbelanjaan Perubatan

#### MANFAAT 1A – Perbelanjaan Perubatan Luar Negara

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, **Kami** akan membayar balik caj perubatan, pembedahan, kejururawatan atau hospital yang **Anda** tanggung, dengan syarat rawatan mesti dilakukan oleh **Pengamal Perubatan**.

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** dan disebabkan oleh kejadian ini, **Anda** berkemungkinan dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk lebih daripada dua puluh empat (24) jam, **Anda** atau orang yang bertindak bagi pihak **Anda** mesti menghubungi **Penyedia Perkhidmatan** serta-merta. Sekiranya **Anda** atau orang yang bertindak bagi pihak **Anda** tidak memaklumkan kepada **Penyedia Perkhidmatan** sebelum kemasukan **Anda** yang melebihi dua puluh empat (24) jam, **Kami** mungkin tidak memberikan perlindungan atau akan mengurangkan jumlah yang **Kami** bayar balik kepada **Anda** di bawah manfaat ini.

#### MANFAAT 1B – Perbelanjaan Pergigian Luar Negara

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** kepada gigi **Anda** yang asli dan kekal semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Perlu Dari Segi Perubatan** yang **Anda** tanggung, dengan syarat rawatan mesti dilakukan oleh **Doktor Gigi** dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi caj biasa untuk rawatan, perkhidmatan atau bekalan pergigian yang serupa di lokasi di mana perbelanjaan ditanggung dan dibayar sekiranya insurans ini tidak wujud.

#### MANFAAT 1C – Rawatan Susulan di Malaysia

Sekiranya **Anda** telah mendapatkan rawatan perubatan semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** bagi **Ketidakupayaan**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Perlu Dari Segi Perubatan** yang merupakan sambungan rawatan perubatan **Luar Negara** di Malaysia, dengan syarat perbelanjaan tersebut ditanggung tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari selepas kepulangan **Anda** ke Malaysia dan rawatan tersebut mesti dilakukan oleh **Pengamal Perubatan**.

Manfaat 1D dan 1E berikut tertakluk kepada sub-had seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** sebagai sebahagian daripada had bagi MANFAAT 1C – Rawatan Susulan di Malaysia:

#### MANFAAT 1D – Perubatan Alternatif

Sekiranya **Anda** telah mendapatkan rawatan perubatan semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** bagi **Ketidakupayaan**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Perlu Dari Segi Perubatan** yang merupakan sambungan rawatan perubatan **Luar Negara** di Malaysia, dengan syarat perbelanjaan tersebut ditanggung tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari selepas kepulangan **Anda** ke Malaysia, yang ditanggung dan rawatan diberikan oleh **Penjagaan Kesihatan Profesional** berdaftar.

#### MANFAAT 1E – Rawatan Pesakit Luar di Malaysia

Sekiranya rawatan awal bagi **Ketidakupayaan** yang **Anda** alami tidak diperolehi semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, pembayaran balik dihadkan kepada rawatan pesakit luar yang ditanggung dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kepulangan **Anda** ke Malaysia, dengan syarat rawatan mesti dilakukan oleh **Pengamal Perubatan**.

### MANFAAT 2 – Pendapatan Hospital Luar Negara

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** dan disebabkan oleh kejadian ini, **Anda** dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** bagi setiap hari **Anda** dimasukkan ke **Hospital**.

### MANFAAT 3 – Manfaat Penjagaan Kanak-kanak

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** dan disebabkan oleh kejadian ini, **Anda** dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar dan tiada **Dewasa** lain mengembara bersama **Anda** untuk mengiringi **Anak** yang diinsuranskan dengan **Kami** dalam **Perjalanan** yang sama, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Pengangkutan Umum** (tambang pergi balik kelas ekonomi) dan penginapan **Hotel** yang munasabah termasuk sebarang cukai dan caj mandatori yang ditanggung oleh seorang (1) **Ahli Keluarga** yang menginap di Malaysia untuk mengiringi **Anak** pulang ke **Rumah Anda**.

### MANFAAT 4 – Lawatan Ihsan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** dan disebabkan oleh kejadian ini, **Anda** dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk lebih daripada tiga (3) hari berturut-turut dan tiada **Ahli Keluarga Dewasa** lain bersama **Anda**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Pengangkutan Umum** (tambang pergi balik kelas ekonomi) dan penginapan **Hotel** yang munasabah dan diperlukan termasuk sebarang cukai dan caj mandatori yang ditanggung oleh satu (1) orang untuk datang dari Malaysia untuk berada bersama **Anda** sehingga **Anda** keluar dari **Hospital**.

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Anda** yang menyebabkan kematian dan tiada **Ahli Keluarga Dewasa** lain bersama **Anda**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan **Pengangkutan Umum** (tambang pergi balik kelas ekonomi) dan penginapan **Hotel** yang munasabah dan diperlukan termasuk sebarang cukai dan caj mandatori yang ditanggung oleh satu (1) orang untuk datang dari Malaysia untuk menguruskan penghantaran pulang jenazah, pengebumian atau pembakaran jenazah **Anda** di tempat kematian **Anda**.

#### Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 4:

1. **Anda** hanya boleh membuat tuntutan terhadap **Ketidakupayaan** atau kematian, tetapi bukan kedua-dua sekali; dan
2. Perbelanjaan **Pengangkutan Umum** dan **Hotel** mesti diatur dan diluluskan terlebih dahulu oleh **Penyedia Perkhidmatan**.

### MANFAAT 5 – Pemindahan Perubatan Kecemasan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius** semasa dalam **Perjalanan Anda**, dan pada pendapat **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan**, adalah dianggap munasabah dari segi perubatan untuk memindahkan **Anda** ke lokasi yang lain untuk rawatan perubatan, **Penyedia Perkhidmatan** akan mengatur pemindahan dengan menggunakan kaedah yang **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan** percaya adalah paling sesuai berasaskan tahap keterukan keadaan perubatan **Anda**.

### MANFAAT 6 – Penghantaran Balik Perubatan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius** semasa dalam **Perjalanan Anda**, dan pada pandangan **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan**, adalah dianggap munasabah dari segi perubatan untuk menghantar **Anda** pulang ke Malaysia, **Penyedia**

**Perkhidmatan** akan mengatur penghantaran balik dengan menggunakan kaedah yang **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan** percaya adalah paling sesuai berasaskan tahap keterukan keadaan perubatan **Anda**.

#### **MANFAAT 7 – Penghantaran Balik Jenazah**

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** yang menyebabkan kematian, **Penyedia Perkhidmatan Kami** akan membuat:

1. semua rancangan pengangkutan yang perlu (termasuk sebarang prosedur atau rancangan yang perlu untuk memenuhi kelaziman tempatan) bagi penghantaran balik jenazah **Anda** ke **Rumah Anda**; dan
2. semua rancangan untuk pengebumian, pembakaran, penyediaan keranda atau pengawetan (sekiranya dipilih) di tempat kematian di **Luar Negara**, tetapi tidak termasuk sebarang perbelanjaan berkaitan hak, upacara keagamaan atau tiang pengebumian.

#### **Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 4 Hingga 7:**

Keputusan mengenai kaedah pengangkutan dan destinasi akhir akan dibuat oleh **Penyedia Perkhidmatan** atas budi bicara mutlak **Kami** atau atas arahan dan petunjuk **Penyedia Perkhidmatan** pada setiap masa.

#### **Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat 4 Hingga 7:**

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

1. perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran dan/atau campur tangan **Penyedia Perkhidmatan**;
2. perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana pihak selain daripada **Penyedia Perkhidmatan** dengan caj biasanya tidak dikenakan;
3. rawatan perubatan yang diberikan oleh saudara mara dan /atau **Ahli Keluarga Anda** sama ada layak atau tidak;
4. **Ketidakupayaan** yang pada pendapat **Pengamal Perubatan Penyedia Perkhidmatan** tidak menghalang **Anda** daripada meneruskan **Perjalanan**; dan
5. **Ketidakupayaan** yang pada pendapat **Pengamal Perubatan Penyedia Perkhidmatan**, masih membolehkan **Anda** balik ke Malaysia secara fizikal dengan duduk sebagai penumpang biasa dan tanpa pengiring perubatan.

#### **Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Seksyen A:**

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan bagi atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

1. prosedur eksperimen, elektif atau pemeriksaan;
2. penjagaan mata, penjagaan gigi atau pemeriksaan perubatan bukan kecemasan atau rutin;
3. gigi yang tidak kekal dan/atau bukan asli;
4. **Kecederaan** gigi yang berlaku semasa aktiviti makan;
5. pemvaksin berkaitan nasihat kesihatan perjalanan dan sebarang kerumitan yang timbul;
6. sebarang perbelanjaan untuk pembedahan atau rawatan kosmetik melainkan **Perlu Dari Segi Perubatan** seperti dinasihatkan oleh **Penyedia Perkhidmatan** atau **Pengamal Perubatan** yang berkhidmat;
7. sebarang perbelanjaan yang ditanggung dan dibayar untuk perkhidmatan yang disediakan oleh pihak lain di mana **Anda** tidak bertanggungjawab untuk membayarnya, atau sebarang perbelanjaan yang sudah dimasukkan dalam kos **Perjalanan Anda**;
8. sebarang perbelanjaan yang ditanggung lebih daripada seratus lapan puluh (180) hari dari masa **Ketidakupayaan** dialami buat pertama kali;
9. sebarang perbelanjaan yang tidak disokong oleh laporan perubatan bertulis daripada **Pengamal Perubatan** yang berkhidmat; dan
10. sebarang perbelanjaan untuk peranti atau alat prostetik luar yang termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota palsu, alat bantuan pendengaran, kanta lekup, cermin mata, gigi palsu atau jambatan gigi atau kerusi roda atau alat bantuan berjalan. Ini tidak termasuk sewa kerusi roda dan alat atau peranti seperti yang **Anda** gunakan di bawah arahan **Pengamal Perubatan** dalam tempoh **Penghospitalkan**.

## **Seksyen B – Perlindungan Kesulitan Perjalanan**

### **MANFAAT 8 – Pembatalan Perjalanan**

#### **MANFAAT 8A – Pembatalan Perjalanan**

Sekiranya pembatalan **Perjalanan Anda** perlu dilakukan dan tidak dapat dielakkan akibat mana-mana daripada kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 8, sebelum permulaan **Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan pengangkutan, perbelanjaan penginapan, **Perbelanjaan Pelancongan Darat** dan kos visa yang telah **Anda** bayar atau perlu bayar di bawah undang-undang bagi **Perjalanan** tersebut.

#### **MANFAAT 8B – Perubahan Perjalanan**

Sekiranya perubahan **Perjalanan Anda** perlu dilakukan dan tidak dapat dielakkan akibat mana-mana kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 8, sebelum memulakan **Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan pengangkutan, perbelanjaan penginapan, **Perbelanjaan Pelancongan Darat** dan kos visa yang berlaku secara tambahan, munasabah dan perlu **Anda** tanggung untuk menjadualkan semula **Perjalanan Anda**.

#### **Kejadian Yang Dilindungi bagi Manfaat 8 – Pembatalan Perjalanan**

1. **Anda**, **Ahli Keluarga** atau **Rakan Perjalanan Anda** mengalami **Kecederaan Serius**, **Penyakit Serius** atau kematian dalam masa enam puluh (60) hari berturut-turut sebelum permulaan **Perjalanan Anda**;
2. **Rumah** atau tempat perniagaan **Anda** di Malaysia tidak boleh dihuni kerana kerosakan serius akibat pecah masuk, vandalisme, **Bencana Alam** atau kebakaran dalam masa empat belas (14) hari berturut-turut sebelum permulaan **Perjalanan Anda**;
3. **Anda** diberhentikan kerja dalam masa empat belas (14) hari berturut-turut sebelum permulaan **Perjalanan Anda**, dengan syarat **Anda** telah bekerja dalam pekerjaan semasa **Anda** untuk tempoh yang berterusan selama minimum dua (2) tahun, dan pada masa pembelian insurans ini, **Anda** tidak tahu bahawa **Anda** akan diberhentikan kerja (perlindungan ini tidak akan berkenaan sekiranya **Anda** bekerja sendiri atau menerima pemberhentian sukarela);
4. **Bencana Alam**, kemalangan perindustrian besar atau **Pengangkutan Yang Dilindungi** di **Destinasi Anda** dalam masa empat belas (14) hari berturut-turut sebelum permulaan **Perjalanan Anda**;
5. Mogok, rusuhan, kekacauan awam, kebangkitan awam atau **Tindakan Keganasan** di **Destinasi Anda**;
6. Tercetus wabak epidemik atau pandemik yang tidak dijangka di **Destinasi Anda** dalam masa empat belas (14) hari berturut-turut sebelum permulaan **Perjalanan Anda**; atau
7. Sebarang kejadian yang mengakibatkan penutupan lapangan terbang di **Destinasi Anda** dalam masa empat belas (14) hari berturut-turut sebelum permulaan **Perjalanan Anda**.

### **MANFAAT 9 – Pemendekan Perjalanan**

Sekiranya **Perjalanan Anda** perlu dipendekkan atas sebab yang tidak dapat dielakkan dan **Anda** pulang ke **Rumah** selepas memulakan perjalanan akibat mana-mana kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 9, **Kami** akan membayar balik kos tambahan **Pengangkutan Umum** untuk

menghantar **Anda** balik dan perbelanjaan pengangkutan, perbelanjaan penginapan dan **Perbelanjaan Pelancongan Darat** yang tidak digunakan dan yang telah dibayar atau perlu dibayar oleh **Anda** di bawah undang-undang bagi **Perjalanan** tersebut:

#### Kejadian Yang Dilindungi bagi Manfaat 9 – Pemendekan Perjalanan

1. **Anda, Ahli Keluarga** atau **Rakan Perjalanan Anda** mengalami **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius**;
2. kematian **Ahli Keluarga** atau **Rakan Perjalanan Anda**;
3. **Rumah Anda** tidak boleh dihuni selepas pecah masuk, kebakaran atau **Bencana Alam**;
4. **Rumah** atau tempat perniagaan **Anda** di Malaysia mengalami kerosakan serius akibat pecah masuk atau vandalisme dan pihak polis memerlukan kehadiran segera **Anda**;
5. **Anda** mengalami trauma dan tidak dapat meneruskan **Perjalanan Anda** disebabkan secara langsung oleh rampasan pesawat yang **Anda** naiki sebagai penumpang yang membayar tambang;
6. **Bencana Alam**, kemalangan perindustrian besar atau **Pengangkutan Yang Dilindungi di Destinasi Anda**;
7. mogok, rusuhan, kekacauan awam, kebangkitan awam atau **Tindakan Keganasan di Destinasi Anda**;
8. terdeteksi wabak epidemik atau pandemik yang tidak dijangka di **Destinasi Anda**; atau
9. sebarang kejadian yang mengakibatkan penutupan lapangan terbang di **Destinasi Anda**.

#### MANFAAT 10 - Gangguan Perjalanan

Sekiranya **Perjalanan** diganggu untuk lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas dimulakan akibat mana-mana kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 10, **Kami** akan membayar balik kos tambahan **Pengangkutan Umum** (tambang kelas ekonomi) yang **Anda** tanggung untuk mengatur semula **Perjalanan Anda** ke **Destinasi Anda** yang sepatutnya sekiranya **Perjalanan Anda** tidak diganggu, perbelanjaan penginapan **Luar Negara** semasa **Anda** terkandas dalam transit antarabangsa atau **Perjalanan** balik **Anda** ke **Rumah** dan kos letak kereta tambahan di lapangan terbang Malaysia (sehingga tempoh maksimum sepuluh (10) hari) akibat ketibaan lewat **Anda** di **Rumah**:

#### Kejadian Yang Dilindungi bagi Manfaat 10 – Gangguan Perjalanan

1. **Anda** atau **Rakan Perjalanan Anda** mengalami **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius** dan **Penyedia Perkhidmatan** bersetuju bahawa **Anda** seharusnya kekal di tempat **Anda** berada sehingga **Anda** atau **Rakan Perjalanan Anda** sihat dari segi perubatan untuk meneruskan **Perjalanan**;
2. **Bencana Alam**, kemalangan perindustrian besar atau **Pengangkutan Yang Dilindungi di Destinasi Anda**;
3. Mogok, rusuhan, kekacauan awam, kebangkitan awam atau **Tindakan Keganasan di Destinasi Anda**;
4. Tercetus wabak epidemik atau pandemik yang tidak dijangka di **Destinasi Anda**; atau
5. Sebarang kejadian yang mengakibatkan penutupan lapangan terbang di **Destinasi Anda**.

#### Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 8 hingga 10:

1. Bagi Kejadian Yang Dilindungi melibatkan **Bencana Alam**, kemalangan perindustrian besar atau **Pengangkutan Yang Dilindungi di Destinasi Anda**, ia mesti disertai dengan notis rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia atau pihak berkuasa yang berkenaan, yang menasihatkan agar tidak melakukan **Perjalanan** ke kawasan yang terbabit di **Destinasi Anda**;
2. Bagi Kejadian Yang Dilindungi melibatkan mogok, rusuhan, kekacauan awam, kebangkitan awam atau **Tindakan Keganasan di Destinasi Anda**, ia mesti disertai dengan pembatalan **Pengangkutan Umum** atau notis rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia atau pihak berkuasa yang berkenaan, yang menasihatkan agar tidak melakukan **Perjalanan** ke kawasan yang terbabit di **Destinasi Anda**; dan
3. Bagi Kejadian Yang Dilindungi melibatkan wabak epidemik atau pandemik yang tidak dijangka di **Destinasi Anda**, ia mesti disertai dengan notis rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang berkenaan, yang menasihatkan agar tidak melakukan **Perjalanan** ke kawasan yang terbabit di **Destinasi Anda**.

#### Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat 8 hingga 10:

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ke atas atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

1. kos yang telah atau perlu **Anda** bayar di bawah undang-undang bagi pihak orang selain daripada **Anda**;
2. sebarang keengganan **Anda** atau **Rakan Perjalanan Anda** untuk melakukan **Perjalanan** atau mengubah rancangan perjalanan;
3. sebarang kerugian yang boleh dibayar oleh mana-mana sumber lain termasuk tetapi tidak terhad kepada polisi insurans lain, tindakan kerajaan, **Hotel, Pengangkutan Umum**, ejen pelancongan atau mana-mana penyedia pengangkutan atau penginapan lain. Bagaimanapun, **Kami** akan membayar perbezaan antara jumlah yang boleh dibayar daripada sumber lain dan jumlah sebenar yang telah **Anda** tanggung;
4. sebarang perbelanjaan tambahan yang ditanggung sekiranya **Anda** membuat keputusan untuk melakukan perjalanan ke mana-mana destinasi sekiranya berlaku pemendekan atau pembatalan **Perjalanan Anda**. Sekiranya **Anda** membuat keputusan untuk memendekkan **Perjalanan Anda** dan tidak balik ke Malaysia, **Kami** hanya akan membayar balik kos setara yang sepatutnya **Anda** tanggung sekiranya **Anda** telah balik ke Malaysia; dan
5. **Anda** tidak dapat melakukan **Perjalanan** kerana kegagalan untuk mendapatkan pasport atau visa yang diperlukan untuk **Perjalanan**.

#### MANFAAT 11 – Kelewatan Perjalanan

Sekiranya **Pengangkutan Yang Dilindungi** yang telah **Anda** atur bagi **Perjalanan Anda** dilewatkan untuk tempoh lebih daripada bilangan jam yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** akibat mana-mana kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 11 setelah **Perjalanan Anda** bermula, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**:

#### Kejadian Yang Dilindungi bagi Manfaat 11 – Kelewatan Perjalanan

1. **Bencana Alam**, kemalangan perindustrian besar atau **Pengangkutan Yang Dilindungi**;
2. Keadaan cuaca kurang teruk yang tidak ditakrifkan sebagai **Bencana Alam** tetapi menyebabkan kelewatan **Pengangkutan Yang Dilindungi** yang terjadual;
3. Mogok, rusuhan, kekacauan awam, kebangkitan awam atau **Tindakan Keganasan** yang menyebabkan kelewatan **Pengangkutan Yang Dilindungi** atau yang mana kerajaan Malaysia telah mengeluarkan notis rasmi yang menasihatkan agar tidak melakukan **Perjalanan** ke kawasan terbabit di **Destinasi Anda**;
4. Sebarang kejadian yang mengakibatkan penutupan lapangan terbang;
5. Kerosakan mekanikal, kegagalan peralatan, kerosakan struktur **Pengangkutan Yang Dilindungi**; dan
6. Masalah operasi yang tidak diduga dan yang tidak berkaitan dengan penjadualan semula atau aktiviti terancang penyedia **Pengangkutan Yang Dilindungi**.

#### MANFAAT 12 –Terlepas Sambungan Perjalanan

Sekiranya **Anda** terlepas sambungan **Perjalanan** terjadual **Anda** semasa dalam **Perjalanan Anda** kerana ketibaan lewat **Pengangkutan Umum** terjadual dan tiada pengangkutan alternatif seterusnya disediakan untuk **Anda** untuk lebih daripada bilangan jam yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** dari waktu tiba sebenar, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**.



### MANFAAT 13 – Perubahan Laluan Perjalanan

Sekiranya **Pengangkutan Umum** yang telah **Anda** naiki semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** diubah laluan dan terlewat untuk lebih daripada bilangan jam yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** akibat mana-mana kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 13, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**:

#### Kejadian Yang Dilindungi Bagi Manfaat 13 – Perubahan Laluan Perjalanan

1. Keadaan cuaca buruk; atau
2. Kerosakan mekanikal **Pengangkutan Umum**.

### MANFAAT 14 – Kelewatan Bagasi

Sekiranya bagasi **Anda** yang didaftarkan masuk dihantar lewat oleh **Pengangkutan Umum** semasa dalam **Perjalanan Anda** dari waktu tiba **Anda** di **Destinasi**, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**.

Sekiranya bagasi **Anda** yang didaftarkan masuk hilang, dicuri atau rosak secara tidak sengaja semasa kelewatan tersebut, dan **Anda** membuat tuntutan di bawah Manfaat 15, **Kami** akan memotong sebarang bayaran yang **Kami** buat di bawah Manfaat 14 daripada tuntutan keseluruhan **Anda** di bawah Manfaat 15.

#### Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 11 hingga 14:

1. Pengesahan bertulis mesti disediakan oleh dan diperolehi daripada **Pengangkutan Yang Dilindungi** (untuk Manfaat 11) atau penyedia **Pengangkutan Umum** (bagi Manfaat 12 hingga 14) dengan jelas menyatakan sebab kelewatan dan tempoh kelewatan;
2. Bagi Manfaat 11, tempoh kelewatan akan dikira dari waktu berlepas terjadual asal **Pengangkutan Yang Dilindungi** seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual yang diberikan kepada **Anda** sehingga waktu berlepas sebenar **Pengangkutan Yang Dilindungi** atau alternatif pertama yang disediakan oleh **Pengangkutan Yang Dilindungi**, yang mana lebih awal. Sekiranya tiada jadual dikeluarkan, pengiraan adalah berasaskan maklumat yang diberikan oleh **Pengangkutan Yang Dilindungi** seperti yang muncul dalam dokumentasi formal lain yang dibekalkan atau diterbitkan oleh **Pengangkutan Yang Dilindungi** tersebut berhubung dengan **Perjalanan**; dan
3. Bagi Manfaat 12 dan 13, tempoh kelewatan akan dikira dari waktu tiba terjadual asal **Pengangkutan Umum** seperti yang dinyatakan pada tiket atau jadual yang dikeluarkan kepada **Anda** sehingga waktu tiba sebenar **Pengangkutan Umum**.

#### Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 8 hingga 13:

1. Berhubung dengan kejadian yang sama dan yang dilindungi, **Anda** hanya boleh membuat tuntutan sama ada daripada Manfaat 8, 9, 10, 11, 12 atau 13.
2. Sekiranya **Anda** membuat tuntutan daripada Manfaat 8, **Anda** hanya boleh membuat tuntutan daripada Manfaat 8A atau 8B, tetapi bukan kedua-duanya. Jumlah yang akan **Kami** bayar di bawah Manfaat 8B tidak akan melebihi jumlah yang **Kami** bayar di bawah Manfaat 8A.
3. Seluruh **Sijil Insurans** akan ditamatkan setelah tuntutan dibayar bagi Manfaat 8. Tiada perlindungan lain di bawah Polisi Induk akan disediakan selepas itu.

### MANFAAT 15 - Bagasi & Barangan Peribadi

Sekiranya bagasi dan **Barangan Peribadi Anda** hilang, dicuri atau rosak secara tidak sengaja semasa dalam **Perjalanan Anda**, **Kami** akan, atas budi bicara mutlak **Kami**, membayar balik, membaiki atau menggantikan barangan yang hilang atau rosak mengikut nilai pasaran barangan pada masa kehilangan, kecurian atau kerosakan tidak sengaja, dan selepas pemotongan bagi kehilangan nilai akibat penggunaan dan usia barangan berasaskan kadar susut nilai **Kami**.

Jumlah yang akan **Kami** bayar tertakluk kepada sub-had maksimum bagi setiap barangan berikut seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**:

1. Mana-mana satu (1) barangan atau **Pasangan atau Set Barangan**;
2. **Komputer Peribadi Mudah Alih**; dan
3. Bagasi

#### Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 14 dan 15:

**Kami** hanya akan menerima tuntutan (kelewatan, kehilangan, kecurian atau kerosakan secara tidak sengaja) atas suatu bagasi daripada satu (1) **Orang Yang Diinsuranskan** sekiranya bagasi tersebut mengandungi barangan yang dimiliki oleh beberapa **Orang Yang Diinsuranskan**.

#### Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat 15:

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ke atas atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

1. **Wang Peribadi, Dokumen Perjalanan, Wang Plastik**, kad kredit, sekuriti kewangan dan sebarang bentuk instrumen dan lesen pemandu;
2. sebarang bentuk peralatan sukan (termasuk pakaian dan aksesori) semasa digunakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada papan luncur, basikal, kelengkapan sukan musim sejuk, set golf dan sebagainya;
3. sebarang pengangkutan bermotor darat, laut atau udara dan/atau aksesori;
4. barangan mudah rosak dan barangan guna habis;
5. barangan disewa atau dipajak;
6. perabot, barangan koleksi, antik, artifak, lukisan, objek seni dan sebarang objek dengan nilai intrinsik;
7. alat muzik dan manuskrip;
8. kerusi sorong bayi, kerusi roda;
9. barangan kemas yang tidak dipakai oleh seseorang atau harta benda yang disimpan di dalam peti simpanan selamat atau bilik kebal hotel pada masa kehilangan;
10. alat atau peranti prostetik luar termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota palsu, alat bantuan pendengaran, kanta lekap, kanta, cermin mata, gigi buatan (termasuk gigi palsu) atau jambatan gigi (korona);
11. **Barangan Peribadi** yang dihantar terlebih dahulu, diposkan atau dihantar secara berasingan atau diberikan kepada orang lain untuk dijaga yang bukan merupakan **Rakan Perjalanan Anda**, sahabat, saudara mara, **Ahli Keluarga** atau orang yang dibenarkan seperti wakil hotel atau pengangkutan;
12. **Barangan Peribadi** yang didaftarkan masuk dengan **Pengangkutan Yang Dilindungi** yang bertentangan dengan terma dan syarat penyedia **Pengangkutan Yang Dilindungi**;
13. **Barangan Peribadi** yang dibiarkan tanpa pengawasan di dalam mana-mana bilik penginapan berbayar atau kediaman persendirian.

### MANFAAT 16 – Wang Peribadi

Sekiranya **Wang Peribadi Anda** dicuri semasa dalam **Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar balik kehilangan **Wang Peribadi** tersebut.

### MANFAAT 17 – Dokumen Perjalanan

Sekiranya **Dokumen Perjalanan Anda** dicuri semasa dalam **Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar balik:

1. kos penggantian **Dokumen Perjalanan**, termasuk perbelanjaan sebenar yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang mengeluarkan gantian; dan
2. **Pengangkutan Yang Dilindungi** tambahan yang munasabah dan diperlukan, perbelanjaan penginapan, makanan dan komunikasi yang ditanggung di tempat kehilangan di **Luar Negara** dan semata-mata untuk tujuan mendapatkan **Dokumen Perjalanan** kecemasan **Anda** bagi meneruskan **Perjalanan** atau balik ke **Rumah**.

### MANFAAT 18 – Kecurian Kad Kredit Peribadi

Sekiranya kad kredit **Anda** dicuri semasa dalam **Perjalanan Anda**, dan disebabkan ini, **Anda** mengalami kerugian kewangan akibat penggunaan yang tidak sah atas kad kredit **Anda** yang dicuri, **Kami** akan membayar balik kerugian yang timbul daripada transaksi yang tidak sah tersebut dan kos menggantikan kad kredit yang dicuri.

#### Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 15 hingga 18:

1. Sebarang tuntutan di bawah Manfaat 15 hingga 18 mesti dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkenaan dan yang mempunyai bidang kuasa di tempat kehilangan tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas kejadian tersebut dan mesti disertakan dengan dokumentasi bertulis daripada pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan keadaan kehilangan tersebut;
2. Sebarang tuntutan mesti dikemukakan kepada penyedia **Pengangkutan Umum** terlebih dahulu atau syarikat di mana pembayaran dibuat berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan;
3. Sebarang tuntutan yang dikemukakan kepada **Kami** mesti mengandungi bukti pampasan yang diterima daripada penyedia **Pengangkutan Umum** atau syarikat di mana pembayaran dibuat bagi perkhidmatan yang disediakan dan sekiranya pampasan tersebut ditolak, ia mesti mengandungi bukti penafian tersebut;
4. **Anda** mesti mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk memastikan bagasi, **Barangan Peribadi**, **Wang Peribadi**, **Dokumen Perjalanan** dan kad kredit **Anda** disimpan dengan selamat, dipakej dengan sewajarnya, dibawa dan dikunci semasa dalam **Perjalanan**;
5. Bagi Manfaat 15, tuntutan bagi setiap barangan mesti disertakan dengan bukti pembelian termasuk tetapi tidak terhad kepada resit, penyata bank atau penyata kad kredit. Sekiranya tiada bukti pembelian disediakan, **Kami** boleh, semata-mata atas budi bicara **Kami**, menolak tuntutan atau menerimanya pada nilai direndahkan; dan
6. Bagi Manfaat 18, kehilangan kad kredit mesti dilaporkan kepada syarikat kad kredit dalam masa enam (6) jam selepas kejadian tersebut.

#### Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat 15 hingga 18:

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ke atas atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

1. barangan yang dibiarkan tanpa pengawasan di mana-mana tempat awam yang mana orang awam mempunyai hak umum untuk memasuki;
2. barangan yang rosak, dirampas atau ditahan oleh kastam atau pegawai atau pihak berkuasa kerajaan lain;
3. barangan untuk tujuan perniagaan termasuk tetapi tidak terhad kepada barangan, sampel, peralatan dan **Teknologi**;
4. barangan di mana resit atau bukti pembelian dan pemilikan tidak boleh diberikan pada masa tuntutan. **Kami** boleh, semata-mata atas budi bicara mutlak **Kami**, bersetuju untuk menerima bukti lain yang dianggap munasabah oleh pihak **Kami** bagi pemilikan barangan yang dituntut;
5. **Barangan Berharga**, **Teknologi**, **Wang Peribadi** dan **Dokumen Perjalanan** yang dibiarkan tidak dijaga dan tidak disimpan di dalam peti simpanan selamat atau bilik kebal pada masa kehilangan apabila peti simpanan selamat atau bilik kebal disediakan di penginapan berbayar di mana **Anda** menginap;
6. **Barangan Berharga**, **Teknologi**, **Wang Peribadi** dan **Dokumen Perjalanan** yang dibiarkan tanpa pengawasan di dalam mana-mana kenderaan pada bila-bila masa atau didaftar masuk dengan **Pengangkutan Yang Dilindungi**;
7. **Barangan Peribadi** yang dibiarkan tanpa pengawasan dalam mana-mana kenderaan melainkan disimpan dalam but atau laci berkunci.
8. kerosakan mekanikal atau elektrik;
9. kerosakan yang disebabkan oleh serbuk atau cecair bocor yang dibawa bersama di dalam bagasi **Anda**;
10. kehausan dan kelusuhan, kerosakan akibat sebarang proses pembaikan, kemerosotan beransur-ansur, kemusnahan oleh rama-rama, binatang perosak, keadaan atmosfera atau cuaca atau kerosakan yang dialami akibat sebarang proses atau semasa kerja dilakukan terhadapnya atau yang timbul daripada proses tersebut;
11. kehilangan data, aplikasi atau perisian termasuk tetapi tidak terhad kepada data yang dirakamkan pada pita, kad, cakera, USB atau sebarang bentuk peranti;
12. sebarang kekurangan kerana kesilapan, ketinggalan, pertukaran atau susut nilai;
13. rosak kerana dicalar atau kemik melainkan kerosakan telah menyebabkan barangan tidak lagi memenuhi tujuan asal reka ciptanya. Tuntutan tidak akan dibayar bagi kerosakan hanya terhad kepada daya tarikan estetika barangan; dan
14. kehilangan yang tidak dapat dijelaskan.

## Seksyen C – Perlindungan Kemalangan Diri & Tanggungan Peribadi

### MANFAAT 19 – Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Anda**, dan dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan mana-mana daripada kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 19, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**:

#### Kejadian Yang Dilindungi bagi Manfaat 19 - Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

1. Kematian
2. Kecederaan yang menyebabkan terlantar sakit di atas katil secara kekal;
3. Sebarang kecederaan yang menyebabkan **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal**;
4. Kehilangan menyeluruh dan tidak boleh pulih satu (1) penglihatan di sebelah (1) mata; atau
5. **Kehilangan Penggunaan** secara menyeluruh atau putus secara fizikal pada satu (1) tangan atau satu (1) kaki.

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** yang menyebabkan lebih daripada satu (1) kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 19, **Kami** hanya akan membayar bagi satu (1) kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 19.

### MANFAAT 20 – Tanggungan Peribadi

Sekiranya **Anda** bertanggungjawab di bawah undang-undang terhadap pihak ketiga disebabkan oleh kematian akibat kemalangan atau kecederaan badan akibat kemalangan terhadap pihak ketiga atau kerosakan kepada harta benda pihak ketiga semasa dalam **Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar balik kepada **Anda** ganti rugi yang perlu **Anda** bayar di bawah undang-undang dan kos dan perbelanjaan guaman yang munasabah untuk menyelesaikan dan mempertahankan tuntutan terhadap **Anda** dengan syarat **Anda** telah membayar atau menanggungnya dengan kelulusan **Kami**.

Sekiranya sebarang tuntutan didapati melibatkan penipuan selepas pembayaran dibuat, **Kami** akan mendapatkan kembali semua bayaran yang dibuat berhubung dengan tuntutan palsu tersebut. **Kami** seterusnya berhak untuk mengambil tindakan selanjutnya, termasuk tindakan undang-undang terhadap penuntut dalam keadaan tersebut.

**Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 20:**

1. **Anda** atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak **Anda**, mestilah tidak merundingkan sebarang tuntutan atau mengakui atau menolak tanggungan tanpa kebenaran bertulis **Kami**; dan
2. **Kami** boleh mempertahankan dan menyelesaikan sebarang tindakan undang-undang atas nama **Anda**. **Kami** boleh mendapatkan kembali sebarang bayaran yang **Kami** buat di bawah Polisi Induk kepada orang lain atas perbelanjaan **Kami** sendiri dan untuk manfaat **Kami** sendiri dan **Kami** boleh berbuat demikian atas nama **Anda**. **Anda** perlu memberi **Kami** semua maklumat dan bantuan yang **Kami** perlukan.

**Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat 20:**

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ke atas dan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

1. kecederaan **Ahli Keluarga Anda**, saudara mara **Anda**, kakitangan **Anda**, **Rakan Perjalanan Anda**, kakitangan **Rakan Perjalanan Anda**, **Ahli Keluarga Rakan Perjalanan Anda**, saudara mara **Rakan Perjalanan Anda**;
2. kehilangan atau kerosakan kepada harta-benda yang dimiliki atau berada di bawah jagaan atau kawalan **Anda**, **Ahli Keluarga Anda**, saudara-mara **Anda**, kakitangan **Anda**, **Rakan Perjalanan Anda**, **Ahli Keluarga Rakan Perjalanan Anda**, kakitangan **Rakan Perjalanan Anda**, saudara mara **Rakan Perjalanan Anda**;
3. tuntutan terhadap **Anda** yang timbul daripada pemilikan, pegangan atau penggunaan sebarang kenderaan bermotor atau kenderaan pacuan mekanikal, sebarang pesawat, kenderaan air, senjata api, atau binatang;
4. menjalankan perniagaan, profesion atau perdagangan termasuk **Anda** menyediakan nasihat atau perkhidmatan profesional;
5. tuntutan yang akan dilindungi di bawah undang-undang pampasan pekerja, anugerah atau perjanjian perindustrian, undang-undang pampasan kemalangan atau sebarang undang-undang atau peraturan yang serupa;
6. sebarang denda atau penalti;
7. ganti rugi punitif, teruk atau teladan;
8. keputusan bukan pada mula-mulanya, sama ada diberikan atau diperolehi daripada mahkamah dengan bidang kuasa sewajarnya di dalam Malaysia atau negara di mana kejadian tuntutan berlaku yang menimbulkan liabiliti **Anda**;
9. sebarang kontrak melainkan liabiliti tersebut timbul tanpa kontrak tersebut.

**Seksyen D – Perlindungan Perjalanan Urban****MANFAAT 21 – Manfaat Penjagaan Rumah**

Sekiranya **Anda** mengalami kehilangan atau kerosakan kepada **Isi Rumah Anda** di dalam **Rumah Anda** di Malaysia yang dibiarkan kosong sepanjang tempoh **Perjalanan Anda** akibat pecah masuk, **Kami** akan, atas budi bicara mutlak **Kami**, membayar balik, membaiki atau menggantikan **Isi Rumah** yang hilang atau rosak tertakluk kepada nilai pasaran **Isi Rumah** pada masa kehilangan atau kerosakan dan selepas menolak kemerosotan nilai akibat penggunaan dan usia barangan mengikut kadar susut nilai **Kami**.

**Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 21:**

1. Sebarang kerugian atau kerosakan mesti dilaporkan kepada polis tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas **Anda** menyedari kejadian ini atau balik ke **Rumah**, yang mana lebih awal dan mesti diiringi oleh dokumentasi bertulis daripada pihak polis tentang keadaan kerugian;
2. **Anda** mesti mengambil setiap langkah yang mungkin dan munasabah untuk menjaga dan melindungi **Isi Rumah Anda** di dalam **Rumah Anda** untuk mengelakkan atau mengurangkan tuntutan di bawah manfaat ini;
3. Tuntutan bagi setiap **Isi Rumah** mesti disertai oleh bukti pembelian barangan tersebut tetapi tidak terhad kepada resit, penyata bank atau penyata kad kredit. Sekiranya tiada bukti pembelian disediakan, **Kami** boleh, semata-mata atas budi bicara **Kami**, menolak tuntutan atau menerimanya pada nilai lebih rendah.

**Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat 21:**

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ke atas atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana daripada yang berikut:

1. **Rumah Anda** tidak dihuni selama lebih daripada tiga puluh (30) hari dari atau sebelum permulaan **Perjalanan**;
2. **Wang Peribadi**, **Wang Plastik**, **Dokumen Perjalanan**, **Teknologi**, bon, bil pertukaran, nota janji, token pos, rekod atau buku atau token seperti, baucar makan tengah hari atau kupon lain, kad kredit, surat ikatan, dokumen hak milik, manuskrip, pingat, setem, sijil saham, kanta lekap atau kornea, tiket perjalanan, makanan, binatang;
3. sebarang pengangkutan bermotor darat, laut atau udara dan/atau aksesori;
4. perabot, barangan koleksi, antik, artifak, lukisan, objek seni dan sebarang objek dengan nilai intrinsik;
5. kehilangan data, aplikasi atau perisian, termasuk tetapi tidak terhad kepada data yang dirakamkan pada pita, kad, cakera, USB atau sebarang bentuk peranti;
6. sebarang kekurangan kerana kesilapan, ketinggalan, pertukaran atau susut nilai;
7. sebarang peralatan atau kelengkapan khas yang digunakan berhubung dengan mana-mana profesional, perniagaan atau pekerjaan dan
8. sebarang kerosakan berniat jahat atau vandalisme oleh mana-mana orang yang berada di dalam **Rumah Anda** secara sah di sisi undang-undang.

**MANFAAT 22 – Manfaat Penjagaan Haiwan Peliharaan**

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** atau **Pengangkutan Umum** terjadual **Anda** lewat dan akibat daripada itu, **Anda** tidak dapat balik ke **Rumah** pada tarikh balik yang terjadual, **Kami** akan membayar balik kos bagi penginapan berterusan haiwan peliharaan **Anda** (anjing dan/atau kucing sahaja) di hotel haiwan peliharaan, rumah anjing atau rumah kucing di mana haiwan peliharaan dijaga sepanjang **Perjalanan Luar Negara Anda** selepas kegagalan **Anda** untuk mengambil haiwan peliharaan pada tarikh terjadual.

**Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 22:**

1. **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** tidak kira bilangan haiwan peliharaan;
2. Pengesahan bertulis mesti disediakan oleh dan diperolehi daripada hotel haiwan peliharaan, rumah anjing atau rumah kucing, dengan jelas menyatakan tempoh penginapan haiwan peliharaan **Anda**, tarikh kutipan asal dan tarikh kutipan sebenar selepas tempoh penginapan lanjut; dan
3. Sekiranya kelewatan disebabkan oleh **Pengangkutan Umum**, pengesahan bertulis mesti diberikan oleh dan diperolehi daripada **Pengangkutan Umum**, dengan jelas menyatakan sebab dan tempoh kelewatan; dan

4. Sekiranya kelewatan berlaku kerana **Anda** mengalami **Ketidakupayaan**, laporan perubatan bertulis mesti disediakan oleh dan diperolehi daripada **Pengamal Perubatan** yang berkhidmat yang memaklumkan tentang penangguhan tarikh pulang atas sebab perubatan seperti yang dilindungi di bawah Manfaat 1A – Perbelanjaan Perubatan Luar Negara.

#### **MANFAAT 23 – Lebihan Kereta Sewa**

##### **MANFAAT 23A – Lebihan Kereta**

Sekiranya **Anda** secara tidak sengaja kehilangan atau merosakkan **Kenderaan Sewa** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, **Kami** akan membayar balik lebihan atau p potongan yang dikenakan oleh insurans polisi/sijil takaful motor **Kenderaan Sewa Anda**, yang **Anda** perlu bayar di bawah undang-undang.

##### **MANFAAT 23B – Pemulangan Kereta**

Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda** dan akibat daripada itu, **Anda** dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam berdaftar dan tidak dapat memulangkan **Kereta Sewa** semasa dalam **Perjalanan Anda**, **Kami** akan membayar balik caj yang telah dibayar atau ditanggung oleh **Anda** bagi memulangkan **Kenderaan Sewa** ke depot kereta terdekat.

##### **Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 23:**

1. **Anda** mestilah pemandu yang dinamakan atau pemandu bersama **Kereta Sewa**;
2. **Anda** mestilah mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan di dalam perjanjian sewa kereta; dan
3. **Anda** mestilah membeli insurans polisi/sijil takaful motor komprehensif bagi **Kereta Sewa** dalam tempoh sewa kereta dan **Anda** mesti mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan di dalam insurans polisi/sijil takaful motor komprehensif.

##### **Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat 23:**

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ke atas atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana daripada yang berikut:

1. kehausan dan kelusuhan, kemerosotan beransur-ansur, kerosakan oleh serangga atau haiwan perosak, kerosakan dalaman, kecacatan atau kerosakan terpendam; dan
2. kehilangan atau kerosakan yang berlaku di luar had mana-mana jalan awam atau di atas jalan yang tidak boleh dilalui oleh kenderaan dua roda.

#### **MANFAAT 24 – Penggunaan Telefon dan Internet Kecemasan**

**Kami** akan membayar balik caj telefon, Internet dan kad prabayar yang **Anda** tanggung semata-mata untuk tujuan menghubungi **Penyedia Perkhidmatan** semasa kemasukan **Anda** ke **Hospital** sebagai pesakit dalam di **Luar Negara**.

#### **MANFAAT 25 – Perlindungan Khas**

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** disebabkan mana-mana kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 25 semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**, dan dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan mana-mana daripada kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 19, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat**:

##### **Kejadian yang Dilindungi bagi Manfaat 25 – Perlindungan Khas**

- |                      |  |
|----------------------|--|
| 1. Aktiviti Udara    | 7. Menakik Turun                                 |
| 2. Terjun Bungee     | 8. Menyelam Skuba                                |
| 3. Geluncur Angin    | 9. Luncur Angin/Air                              |
| 4. Payung Terjun     | 10. Sukan Musim Sejuk                            |
| 5. Luncur Udara      | 11. Mendaki gunung lebih tiga ribu (3,000) meter |
| 6. Belon Udara Panas | 12. <b>Tindakan Keganasan</b>                    |

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** yang menyebabkan satu (1) daripada kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 19, **Kami** hanya akan membayar untuk satu (1) kejadian yang dilindungi bagi Manfaat 19.

##### **Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat 25:**

1. Aktiviti mestilah disediakan oleh pengendali pelancongan atau penyedia aktiviti komersial tempatan yang diiktiraf (tidak berkenaan bagi Perkara 12 – **Tindakan Keganasan**);
2. Aktiviti mesti disediakan di bawah panduan dan penyeliaan pemandu dan/atau jurulatih berkelayakan pengendali pelancongan atau penyedia aktiviti (tidak berkenaan bagi Perkara 12 – **Tindakan Keganasan**);
3. **Anda** mestilah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan mematuhi semua keperluan keselamatan dan nasihat jurulatih atau pengendali pelancongan apabila melaksanakan aktiviti yang berkaitan yang dilindungi di bawah manfaat ini (tidak berkenaan bagi Perkara 12 – **Tindakan Keganasan**);
4. Bagi perkara 12 – **Tindakan Keganasan**, **Kami** hanya akan melindungi sekiranya **Anda** merupakan mangsa **Tindakan Keganasan** sedemikian dan tiada penggunaan langsung atau tidak langsung agen biologi, agen kimia atau peralatan nuklear. Apabila **Anda** diinsuranskan di bawah lebih daripada satu (1) polisi dengan **Kami** yang melindungi **Tindakan Keganasan**, tanggungan maksimum **Kami Keganasan** hendaklah terhad kepada polisi dengan had tertinggi bagi **Tindakan Keganasan**;
5. Bagi Perkara 8 – Menyelam skuba, **Kami** hanya akan melindungi sekiranya
  - i. **Anda** memegang kelayakan menyelam yang diiktiraf dan **Anda** mestilah tidak menyelam berseorangan; atau
  - ii. **Anda** tidak memegang kelayakan menyelam diiktiraf tetapi menyelam dengan jurulatih berkelayakan dan pada kedalaman tidak lebih daripada lima puluh (50) meter.

#### **Seksyen E – Manfaat Tambahan**

##### **MANFAAT 26 – Badal Haji** (hanya untuk Orang Islam)

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Anda**, yang dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangnya upaya seperti yang dilindungi di bawah Manfaat 19, **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** untuk kos melakukan Badal Haji bagi pihak **Anda**.

##### **MANFAAT 27 - Wakaf** (hanya untuk Orang Islam)

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Anda**, yang dalam masa dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangnya upaya seperti yang dilindungi di bawah Manfaat 19, **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** untuk kos melakukan Wakaf bagi pihak **Anda**.

### **MANFAAT 28 – Korban** (hanya untuk Orang Islam)

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Anda**, yang dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangnya upaya seperti yang dilindungi di bawah Manfaat 19, **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** bagi kos untuk menjalankan ibadah Korban bagi pihak **Anda**.

### **MANFAAT 29 – Wang Kecemasan** (hanya untuk Orang bukan Islam)

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan Anda**, yang dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian atau hilangnya upaya seperti yang dilindungi di bawah Manfaat 19, **Kami** akan membayar jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** sebagai tunai kecemasan kepada keluarga **Anda**.

#### **Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Seksyen E:**

1. Manfaat 26, 27 dan 28 hanya berkenaan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** yang beragama Islam sahaja; dan
2. Manfaat 29 hanya berkenaan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** yang bukan beragama Islam.
3. Sekiranya berlaku tuntutan untuk **Manfaat 26,27**, dan **28**, jumlah perlindungan bagi manfaat tersebut dianggap sebagai wasiyyah (wasiat) dan akan dibayar terus kepada penama yang akan bertindak sebagai wakil untuk mengagihkan dan menggunakan dana untuk badal haji, wakaf dan korban bagi **Orang Yang Diinsuranskan**.

## **Seksyen F – Manfaat Bantuan Perjalanan**

### **MANFAAT 30 – Bantuan Perjalanan**

**Anda** boleh mendapatkan bantuan **Perjalanan** berikut daripada **Penyedia Perkhidmatan Kami**.

Talian khas bantuan **Perjalanan** yang disediakan oleh **Penyedia Perkhidmatan Kami** adalah seperti di bawah:

Asia Assistance  
Talian Khas Perkhidmatan 24 Jam

603 7841 5630  
www.asia-assistance.com

#### **1. Maklumat dan Rundingan Teleperubatan 24 Jam**

Sekiranya nasihat perubatan diperlukan semasa dalam **Perjalanan Luar Negara**, **Anda** boleh menelefon **Penyedia Perkhidmatan** untuk mendapatkan bantuan dan nasihat. Doktor bertugas bagi **Penyedia Perkhidmatan** akan memberikan bantuan atau nasihat perubatan menerusi telefon. **Penyedia Perkhidmatan** juga akan memberikan rujukan kepada doktor dan **Hospital** dan membantu membuat temu janji untuk **Anda** apabila perlu.

**Penting:** Perbualan telefon tidak bermaksud untuk menentukan diagnosis dan mesti dianggap sebagai nasihat sahaja.

#### **2. Penghantaran Ubat yang Tiada di Dalam Negara**

**Penyedia Perkhidmatan** akan menghantar ubat yang diperlukan yang tiada di dalam negara dalam kes kecemasan dan sekiranya undang-undang, peraturan dan ketetapan yang membenarkan penghantaran tersebut. **Anda** hendaklah menanggung kos ubat dan **Penyedia Perkhidmatan** hendaklah membayar bagi kos penghantaran tersebut.

#### **3. Keperluan Visa dan Inokulasi bagi negara asing**

**Penyedia Perkhidmatan** akan memberikan maklumat berhubung dengan keperluan visa, inokulasi atau imunisasi negara asing yang menjadi destinasi **Perjalanan Anda**.

#### **4. Cuaca dan Suhu di Negara Asing**

**Penyedia Perkhidmatan** akan memberikan maklumat tentang suhu dan keadaan cuaca negara asing apabila diperlukan.

#### **5. Kadar Tukaran Mata Wang Negara Asing Utama**

**Penyedia Perkhidmatan** akan memberikan maklumat berkaitan kadar tukaran negara asing yang menjadi destinasi **Perjalanan Anda**.

#### **6. Rujukan kepada Konsulat dan Kedutaan**

Sekiranya **Anda** memerlukan bantuan daripada konsulat atau kedutaan, **Penyedia Perkhidmatan** akan memberikan alamat, nombor telefon dan waktu operasi konsulat atau kedutaan yang terdekat.

#### **7. Bantuan Kehilangan Bagasi**

**Penyedia Perkhidmatan** akan membantu **Anda** mencari bagasi yang hilang, dengan menghubungi syarikat penerbangan, pihak berkuasa kerajaan dan pengeluar kad kredit, sekiranya perlu.

#### **8. Bantuan Kehilangan Pasport**

**Penyedia Perkhidmatan** akan membantu **Anda** dalam prosedur yang diperlukan. Pihak berkuasa Kerajaan dan kedutaan atau konsulat adalah antara yang akan dihubungi.

#### **9. Penghantaran Pesanan Kecemasan**

Dalam kes kecemasan, **Penyedia Perkhidmatan** akan cuba membuat penghantaran pesanan antarabangsa ke alamat yang ditetapkan.

#### **10. Mengatur Penerbangan**

**Penyedia Perkhidmatan** akan menyediakan maklumat tentang masa penerbangan, kos dan membantu **Anda** untuk menempah atau menukar tiket penerbangan semasa dalam **Perjalanan Luar Negara Anda**.

#### **11. Rujukan Guaman**

Sekiranya **Anda** mendapatkan bantuan guaman bagi kecemasan semasa dalam **Perjalanan Anda**, **Penyedia Perkhidmatan** akan merujuk **Anda** kepada penasihat undang-undang tempatan.

#### **12. Rujukan kepada Jurubahasa/Penterjemah**

Sekiranya **Anda** memerlukan bantuan bagi kecemasan semasa dalam **Perjalanan Anda**, **Penyedia Perkhidmatan** akan merujuk **Anda** kepada seorang penterjemah tempatan.

**Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Seksyen F:**

1. Perkhidmatan yang diterangkan dalam manfaat ini diberikan semata-mata atas dasar rujukan dan aturan sahaja. **Kami dan Penyedia Perkhidmatan** tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos pihak ketiga yang ditanggung dan **Anda** hendaklah menanggung kos tersebut secara langsung;
2. **Kami dan Penyedia Perkhidmatan** tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan untuk menyediakan perkhidmatan yang disebabkan oleh mogok atau keadaan di luar kawalannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada, keadaan penerbangan atau sama ada undang-undang tempatan pihak berkuasa kawal selia melarang **Penyedia Perkhidmatan** daripada memberikan perkhidmatan tersebut; dan
3. Profesional undang-undang, dan/atau profesional perubatan yang dirujuk oleh **Penyedia Perkhidmatan** untuk menyediakan perkhidmatan secara langsung kepada **Anda** bukan kakitangan atau ejen **Penyedia Perkhidmatan** dan/atau anak syarikat atau syarikat bersekutunya. **Kami, Penyedia Perkhidmatan** dan/atau anak syarikat atau syarikat bersekutunya tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi kualiti atau hasil apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh pengamal bebas yang dirujuk oleh **Penyedia Perkhidmatan** kepada **Anda**.

**PENGECCUALIAN AM (BERKENAAN DENGAN SELURUH POLISI INDUK)**

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ke atas atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana daripada yang berikut:

1. **Anda** terlibat dalam atau mengambil bahagian dalam:
  - a) anggota berpakaian seragam dan besenjata, perkhidmatan atau operasi angkatan tentera darat, laut atau udara;
  - b) sukan profesional di mana **Anda** akan atau boleh meraih pendapatan atau ganjaran kewangan
  - c) penerokaan gua, seni mempertahankan diri atau bertinju,
  - d) sebarang bentuk perlumbaan selain daripada menggunakan kaki,
  - e) perbuatan jenayah atau sebarang aktiviti haram;
  - f) kerja buruh kasar;
  - g) aktiviti memburu yang tidak disediakan oleh pengendali komersial berlesen;
  - h) aktiviti luar pesisir atau perlombongan;
  - i) ujian sebarang bentuk pengangkutan;
  - j) mendaki gunung atau sebarang aktiviti di paras ketinggian melebihi tiga ribu (3,000) meter (tidak berkenaan bagi Manfaat 25);
  - k) sukan musim sejuk (tidak berkenaan bagi Manfaat 25);
  - l) aktiviti udara termasuk payung terjun dan luncur gantung (tidak berkenaan bagi Manfaat 25);
  - m) perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang diiktiraf dan dioperasikan oleh mana-mana pesawat di laluan dan perjalanan udara yang dijadualkan dan perjalanan udara oleh mana-mana pesawat yang disewa dan dilesenkan dengan sewajarnya sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan dikendalikan dengan betul (untuk tujuan pengecualian ini, aktiviti belon udara panas tidak berkenaan bagi Manfaat 25);
  - n) aktiviti di bawah air melebihi kedalaman lima puluh (50) meter (untuk tujuan pengecualian ini, aktiviti menyelam skuba tidak berkenaan bagi Manfaat 25);
  - o) mendaki bukit (untuk tujuan pengecualian ini, aktiviti menakik turun tidak berkenaan bagi Manfaat 25);
2. Dipengaruhi oleh alkohol atau dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan **Pengamal Perubatan** dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah;
3. Pembunuhan atau serangan ke atas **Anda, Rakan Perjalanan Anda, Ahli Keluarga Anda** akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
4. Kehamilan, melahirkan anak, keguguran, pengguguran dan penjagaan sebelum dan selepas bayi lahir dan sebarang kaedah mencegah kehamilan secara pembedahan, mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan kesuburan, pertukaran jantina, disfungsi seks termasuk kemandulan, ujian atau rawatan berkaitan dengan pemandulan dan berkhatan yang dilakukan untuk sebarang sebab selain daripada **Penyakit** atau jangkitan;
5. Pendedahan sengaja **Anda, Rakan Perjalanan Anda, Ahli Keluarga Anda** kepada bahaya luar biasa (kecuali usaha menyelamatkan nyawa manusia);
6. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatan yang disebabkan olehnya;
7. Pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada **Peperangan** diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa;
8. Radiasi pengionan atau pencemaran daripada aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri;
9. **Peperangan** atau **Peperangan** saudara, sama ada diisytiharkan atau tidak;
10. Sekatan – **Kami** tidak akan memberikan perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada **Pemilik Polisi** atau **Anda** atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan;
11. Penyertaan langsung **Anda** dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau kebangkitan awam;
12. Sekiranya satu (1) daripada sebab **Perjalanan Anda** adalah untuk mendapatkan rawatan perubatan **Luar Negara**, pemvaksin, pemeriksaan, penjagaan atau nasihat perubatan tidak kira sama ada ini merupakan tujuan tunggal atau utama **Perjalanan Anda**;
13. **Keadaan Sedia Ada** (tidak berkenaan bagi Manfaat 7);
14. Wabak dan/atau pandemik (tidak berkenaan bagi Manfaat 8, 9 dan 10);
15. **Tindakan Keganasan** (tidak berkenaan bagi Manfaat 8, 9, 10, 11 dan 25);
16. Tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan termasuk penyitaan, rampasan, pemusnahan dan sekatan;
17. Kejadian atau keadaan di mana anda sedar atau sewajarnya sedar semasa pembelian insurans ini atau menempah **Perjalanan Anda** (yang mana berlaku kemudian) yang boleh dijangkakan dengan sewajarnya akan menyebabkan tuntutan di bawah Polisi Induk ini;
18. **Anda** tidak mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan selepas terdapat amaran di media massa tentang mogok, rusuhan, cuaca buruk atau keadaan lain; dan
19. Sebarang keadaan yang sedia ada atau diketahui kepada orang ramai sebelum **Anda** menempah **Perjalanan Anda**.

**1. PINDAAN**

**Kami** berhak untuk meminda sebarang terma dan syarat Polisi Induk ini dan sebarang perubahan kepada Polisi Induk ini adalah dianggap sah sekiranya dibenarkan oleh **Kami** dan diendors ke atasnya. Sekiranya perubahan ini dilaksanakan, **Kami** akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir **Pemilik Polisi** yang diketahui dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengubahan syarat dan terma Polisi Induk dengan alasan yang sah.

**2. PENIMBANGTARAAN**

Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi Induk ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh **Kami** terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi Induk ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

**3. LANJUTAN PERLINDUNGAN AUTOMATIK**

**Kami** akan melanjutkan perlindungan **Anda** melewati tarikh luput **Tempoh Perlindungan Anda** tanpa sebarang premium tambahan sekiranya berlaku yang berikut:

- i. Sehingga tempoh maksimum sepuluh (10) hari berturut-turut
  - Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** yang dilindungi yang mencegah **Anda** daripada melakukan **Perjalanan**.
  - Sekiranya berlaku mogok, tindakan perindustrian, **Bencana Alam**, kerosakan mekanikal, kegagalan peralatan atau kerosakan struktur **Pengangkutan Yang Dilindungi**.
- ii. Sehingga tempoh maksimum tiga puluh (30) hari berturut-turut atau empat puluh lapan (48) jam selepas **Anda** keluar dari **Hospital**. Sekiranya **Anda** mengalami **Ketidakupayaan** dilindungi, dan disebabkan kejadian ini, anda dimasukkan ke **Hospital** atau dikuarantin Di **Luar Negara**, dengan syarat **Penghospitalan** atau kuarantin dilindungi oleh Polisi Induk ini dan di bawah arahan **Pengamal Perubatan** yang berkhidmat atau pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan.
- iii. Sehingga tempoh maksimum tiga (3) hari berturut-turut selepas ketibaan **Anda** di **Destinasi Luar Negara** pertama anda. Sekiranya **Anda** telah membeli **Perjalanan Sehala** dan ketibaan **Anda** ke **Destinasi Luar Negara** pertama **Anda** (tidak termasuk negara transit) terlewat kerana mogok, tindakan perindustrian, **Bencana Alam**, kerosakan mekanikal, kegagalan peralatan atau kerosakan struktur **Pengangkutan Yang Dilindungi**.

**4. PENAMATAN AUTOMATIK**

**Sijil Insurans** akan tamat secara automatik pada tarikh kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal:

- i. sekiranya premium tidak dibayar pada tarikh pengeluaran **Sijil Insurans**;
- ii. selepas pembayaran Manfaat 8 – Pembatalan **Perjalanan** atau Manfaat 19 – Kemalangan Diri; atau
- iii. pada tarikh **Sijil Insurans** dibatalkan.

**5. PEMBATALAN**

- i. **Perjalanan Tunggal** dan **Perjalanan Sehala** – pembatalan tidak dibenarkan setelah **Sijil Insurans** dikeluarkan.
- ii. **Perjalanan Tahunan** – **Anda** boleh, pada bila-bila masa membatalkan **Sijil Insurans** ini, dan oleh itu kami akan mengekalkan kadar tempoh singkat lazim sepanjang **Sijil Insurans** berkuat kuasa, dengan syarat tiada tuntutan telah atau akan dikemukakan oleh pihak **Anda**.

**Kami** boleh memberikan notis bertulis tujuh (7) hari tentang hasrat **Kami** untuk menamatkan Polisi Induk dan/atau **Sijil Insurans** ini melalui surat berdaftar ke alamat terakhir **Pemilik Polisi** dan/atau **Anda** yang diketahui, dan sebahagian daripada premium berkaitan dengan **Tempoh Perlindungan** yang belum tamat akan dipulangkan.

Berikut adalah skala kadar tempoh singkat yang akan digunakan Polisi **Perjalanan Tahunan** sahaja:

<b>Tempoh Sijil Insurans Berkuat Kuasa</b>	<b>Peratusan Premium Tahunan Yang Dikenakan</b>
2 bulan (minimum)	40%
3 bulan	50%
4 bulan	60%
5 bulan	70%
6 bulan	75%
Lebih 6 bulan	100%

**6. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN**

Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan insurans berkuat kuasa. Ini adalah satu syarat khas asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini.

**7. PENUKARAN ALAMAT ATAU SEBARANG MAKLUMAT**

**Pemilik Polisi** dan/atau **Anda** hendaklah memberikan notis bertulis dengan segera kepada **Kami** sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat **Perjalanan Anda** dan membayar premium tambahan yang mungkin akan dikenakan oleh **Kami**. Sebelum setiap pembaharuan Polisi **Perjalanan Tahunan**, **Pemilik Polisi** dan/atau **Anda** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis tentang sebarang **Ketidakupayaan** yang **Anda** alami atau ketahui.

**8. SYARAT SEBELUM TANGGUNGAN DITERIMA**

Sebagai syarat sebelum **Kami** menerima sebarang tanggungan, **Pemilik Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Polisi Induk ini dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan dengan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.

**9. MATA WANG DAN KADAR TUKARAN**

- i. Semua bayaran akan dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
- ii. Semua premium yang dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
- iii. Sekiranya **Anda** dimasukkan ke dalam **Hospital** dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia serta bil rawatan tersebut bukanlah dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**), **Kami** akan membayar balik dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**) berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing (Kadar pertukaran terbuka sekiranya di pasaran bebas, dan pada kadar pertukaran rasmi sekiranya bukan dalam pasaran bebas) pada tarikh **Anda** dikeluarkan dari **Hospital**.

#### 10. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna - Apabila **Pemilik Polisi** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Pemilik Polisi**, perniagaan atau profesion **Pemilik Polisi**, **Pemilik Polisi** mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa **Pemilik Polisi** membuat permohonan insurans ini) seperti contoh, **Pemilik Polisi** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Pemilik Polisi** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Pemilik Polisi** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Pemilik Polisi** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. **Pemilik Polisi** juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Pemilik Polisi** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemilik Polisi** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna - Apabila **Pemilik Polisi** telah memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemilik Polisi**, **Pemilik Polisi** mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemilik Polisi** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Pemilik Polisi**. **Pemilik Polisi** juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Pemilik Polisi** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemilik Polisi** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

#### 11. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI

Sebarang penafsiran Polisi Induk ini berkaitan dengan pembinaannya, kesahan atau operasi hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

#### 12. BAHASA

Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

#### 13. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

Sekiranya:

- sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **Pemilik Polisi** berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
- sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **Pemilik Polisi** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **Pemilik Polisi** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.

maka dalam mana-mana hal di atas, Polisi Induk ini adalah batal.

#### 14. TIDAK BOLEH MENYERAH HAK

Polisi Induk ini tidak boleh diserahkan hak dan **Kami** tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang caj amanah, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan Polisi Induk ini. Sebarang penerimaan atau pelepasan yang diberikan oleh **Pemilik Polisi** atau wakil sah di sisi-sisi undang-undang kepada **Kami** untuk apa-apa jumlah yang diinsuranskan atau pampasan di bawah Polisi Induk ini akan dianggap pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan **Kami** terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kejadian luar jangka (termasuk kematian) yang dialami oleh **Anda** disebabkan tuntutan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas tarikh penerimaan atau pelepasan tersebut.

#### 15. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada **Kami** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada **Kami**. Perubahan kepada terma Polisi Induk ini, atau sebarang **Pengendorsan** kepadanya, tidak akan dianggap sah kecuali ditandatangani atau diparap oleh wakil sah **Kami**.

16. Mengikut kesesuaian konteks, perkataan yang merujuk nombor tunggal hendaklah termasuk kata gandaan dan sebaliknya dan perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk wanita dan jantina neuter dan perkataan yang merujuk kepada perseorangan hendaklah termasuk badan korporat.

### SYARAT-SYARAT TUNTUTAN AM (BERKENAAN DENGAN SELURUH POLISI INDUK)

Pembayaran tuntutan di bawah Polisi Induk tertakluk kepada pelaksanaan dan pematuhan terma, pengecualian dan syarat oleh pihak **Anda** dan mana-mana pihak lain yang membuat tuntutan.

#### 1. DOKUMEN TUNTUTAN

Semua Polisi, maklumat dan bukti yang mungkin **Kami** perlukan hendaklah dibekalkan atas perbelanjaan **Anda** atau perbelanjaan wakil sah **Anda**. Sekiranya tuntutan **Anda** adalah untuk **Kecederaan** atau **Penyakit**, **Kami** boleh meminta, dan membayar untuk pemeriksaan perubatan. **Kami** juga boleh meminta dan membayar untuk bedah siasat sekiranya berlaku tuntutan kematian.

#### 2. BAYARAN TUNTUTAN

Semua manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi Induk akan dibuat kepada **Anda**, kecuali:

- sekiranya berlaku tuntutan kematian, **Kami** akan membayar kepada waris **Anda**;
- sekiranya berkenaan **Anak Yang Diinsuranskan Anda**, **Kami** akan membayar kepada **Anda**; dan
- sekiranya perkhidmatan atau perbelanjaan disediakan atau ditanggung oleh **Penyedia Perkhidmatan** atau wakil sah penyedia penjagaan kesihatan yang dianggap munasabah oleh **Penyedia Perkhidmatan**, **Kami** akan membayar terus kepada **Penyedia Perkhidmatan**.

#### 3. PEMBERITAHUAN TUNTUTAN

**Anda** mestilah segera menghubungi **Kami** dengan maklumat penuh tentang sebarang **Ketidakupayaan**, kejadian atau penemuan sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin menyebabkan tuntutan di bawah Polisi Induk ini. **Anda** juga mestilah memberitahu **Kami** sekiranya



**Anda** mengetahui tentang sebarang writ, saman, atau pendakwaan terhadap **Anda** dan serta-merta menghantar kepada **Kami** setiap surat atau dokumen yang berkaitan dengan tuntutan.

#### 4. **SUMBANGAN**

**Kami** tidak akan melindungi kerugian yang perlu dibayar menerusi sebarang sumber lain termasuk tetapi tidak terhad kepada polisi insurans, tindakan kerajaan, **Hotel, Pengangkutan Umum, Pengangkutan Yang Dilindungi**, ejen pelancongan, skim perubatan atau kesihatan, sebarang sumber lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pengangkutan, penginapan dan penyedia perkhidmatan).

Bagaimanapun, **Kami** akan membayar perbezaan antara jumlah perlu dibayar daripada sebarang sumber lain dan jumlah sebenar yang telah ditanggung oleh **Anda**.

Syarat ini tidak berkenaan bagi manfaat berikut:

MANFAAT 2 – Pendapatan Hospital Luar Negara  
MANFAAT 19 – Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan  
MANFAAT 25 – Perlindungan Khas  
MANFAAT 26 – Badal Haji  
MANFAAT 27 - Wakaf  
MANFAAT 28 – Korban  
MANFAAT 29 – Tunai Kecemasan

#### 5. **MENGURANGKAN KERUGIAN**

**Anda** mestilah mengambil semua langkah yang munasabah untuk mengelakkan atau mengurangkan sebarang kerugian atau kejadian mana-mana keadaan yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi Induk ini.

#### 6. **JUMLAH MAKSIMUM YANG DIINSURANSKAN**

Jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** ialah had dan sub-had maksimum yang **Kami** akan bayar atau bayar balik menurut **Jenis Perlindungan Anda** bagi setiap **Orang Yang Diinsuranskan**.

Sekiranya **Anda** telah memilih untuk:

- i) **Perlindungan Individu dan Pasangan, Kami** akan, secara keseluruhan bagi semua **Orang Yang Diinsuranskan**, membayar atau membayar balik sehingga dua ratus peratus (200%) daripada had dan sub-had yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** untuk setiap manfaat, kecuali bagi manfaat berikut, dengan had dikekalkan sebagai had bagi setiap orang, dan
- ii) **Perlindungan Keluarga, Kami** akan, secara keseluruhan bagi semua **Orang Yang Diinsuranskan**, membayar atau membayar balik sehingga maksimum tiga ratus peratus (300%) daripada had dan sub-had yang dinyatakan di dalam **Jadual Manfaat** bagi setiap manfaat, kecuali bagi manfaat berikut, dengan had dikekalkan sebagai had bagi setiap orang.

MANFAAT 2 – Pendapatan Hospital Luar Negara  
MANFAAT 19 – Kematian dan Kehilangan Upaya Kekal Akibat Kemalangan  
MANFAAT 25 – Perlindungan Khas  
MANFAAT 26 – Badal Haji  
MANFAAT 27 - Wakaf  
MANFAAT 28 – Korban  
MANFAAT 29 – Tunai Kecemasan

7. Sekiranya **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda** yang membuat tuntutan di bawah Polisi Induk ini walaupun mengetahui bahawa tuntutan adalah penipuan dan ditokok tambah dalam apa jua cara, **Kami** tidak akan membayar tuntutan tersebut dan semua perlindungan di bawah Polisi Induk ini akan dibatalkan dengan serta-merta. **Kami** berhak untuk memaklumkan pihak Polis tentang sebarang tuntutan sedemikian.

#### **PENAMAAN**

Penamaan bermaksud proses **Pemilik Polisi** melantik seorang atau lebih penerima wang polisi sekiranya berlaku kematian **Pemilik Polisi** (yang juga **Orang Yang Diinsuranskan**) dilakukan pada bila-bila masa selepas **Jadual Polisi** dikeluarkan. Sekiranya **Anda** ialah **Orang Yang Diinsuranskan**, **Anda** boleh membuat penamaan seorang atau lebih penerima wang polisi yang perlu dibayar di bawah **Jadual Polisi** ini. Jika **Pemilik Polisi** atau **Anda** meninggal dunia tanpa membuat penamaan, **Kami** akan membayar wang polisi kepada wasi atau pentadbir harta pusaka **Pemilik Polisi** atau **Anda** yang sah. Bayaran wang polisi adalah berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

#### **NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (seterusnya dirujuk sebagai "Akta"), yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Zurich General Insurance Malaysia Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "**Kami**"). **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi, menghadkan pemprosesan data peribadi dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my). Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor polisi, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut. Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami**, seperti yang diterbitkan di laman web korporat [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

**Pemilik Polisi** hendaklah membaca Polisi Induk ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau salah keterangan ditemui di dalam ini, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak **Pemilik Polisi**, sila maklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta dan Polisi Induk dipulangkan untuk perhatian **Kami**.

**PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS**

Sila semak Polisi Induk untuk memastikan ia memenuhi keperluan **Pemilik Polisi**.

Untuk mengelakkan salah faham, Polisi Induk, **Jadual Polisi**, **Sijil Insurans** dan sebarang pengendorsan yang dilampirkan di dalamnya hendaklah dibaca dengan teliti. Jika **Pemilik Polisi** mempunyai sebarang aduan atau rungutan berkaitan Polisi Induk, sila hubungi ejen **Pemilik Polisi**, jika ada atau hubungi pejabat pengeluar **Kami**. **Kami** memberi jaminan bahawa aduan **Pemilik Polisi** akan diberi perhatian dengan segera. Sebagai syarikat insuran yang bertanggungjawab, **Kami** ingin memaklumkan **Pemilik Polisi** bahawa **Pemilik Polisi** juga boleh mengemukakan ketidakpuasan hati **Pemilik Polisi** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) atau Bank Negara Malaysia seperti yang disenaraikan di bawah.

**Prosedur mengemukakan aduan kepada OFS**

Jika **Pemilik Polisi** tidak berpuas hati dengan keputusan **Kami**, **Pemilik Polisi** boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi Induk ini.

Jika keputusan Pengantara memihak kepada **Pemilik Polisi** berbanding **Kami**, **Pemilik Polisi** dikehendaki memaklumkan Pengantara sama ada **Pemilik Polisi** menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari.

Jika **Pemilik Polisi** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Pemilik Polisi** boleh menolak keputusan Pengantara. **Pemilik Polisi** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap **Kami** atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

**Pemilik Polisi** boleh menghubungi **Kami** di:

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,  
 KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
 Tel: 03-2109 6000  
 Faks: 03-2109 6888  
 Pusat Panggilan: 1-300-888-622  
 Emel: callcentre@zurich.com.my

**Pemilik Polisi** boleh berhubung dengan OFS di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan  
 (Dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan)  
 Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,  
 No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
 50000 Kuala Lumpur  
 Tel: 603-2272 2811  
 Faks: 603-2272 1577  
 Emel: enquiry@ofs.org.my  
 Laman web: www.ofs.org.my

**Prosedur mengemukakan aduan kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP)**

Sebagai alternatif, **Pemilik Polisi** juga boleh menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pengendalian **Kami** dengan menulis surat kepada BPP untuk memberikan butiran aduan dan maklumat Polisi Induk ini kepada:

**Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
 Bank Negara Malaysia,  
 Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.  
 Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
 (Luar Negara: +603-21741717)  
 Faks: 03-2174 1515  
 Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)  
 Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,  
 KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
 Tel: 03-2109 6000  
 Faks: 03-2109 6888  
 Pusat Panggilan: 1-300-888-622  
 www.zurich.com.my



The trademarks depicted are registered in the name of Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide.

